

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 10 MAC 2018

MUKA SURAT: 45

Kangar

PBS bakal terima elaun pertengahan tahun

Berita gembira menanti anggota Pasukan Bomba Sukarela (PBS) apabila mereka bakal menerima elaun khas pertengahan tahun ini, kata Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim.

Beliau berkata, jika tiada halangan dalam pindaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan diluluskan pada sesi Parlimen kali ini, anggota PBS akan menikmati elaun sebanyak RM6 sejam.

“Kita sekarang dalam proses meminda undang-undang. Jika tiada halangan pindaan ini akan masuk ke sesi Parlimen yang sedang berlangsung ketika ini, kita harapkan pertengahan tahun ini segalanya akan bermula.

“PBS yang sebelum ini berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dapat didaftarkan terus di bawah JBPM, sekali



Jika tiada halangan pindaan ini akan masuk ke sesi Parlimen”

Wan Mohd Nor Ibrahim

gus memudahkan pengu- rusan dan penyaluran ban- tuan serta elaun kepada PBS kerana ia dipantau te- rus oleh JBPM,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas saranan Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye yang menggesa kerajaan mem- peruntukkan penyediaan elaun khas kepada anggota PBS dalam pindaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Mengulas lanjut, Wan Mohd Nor berkata, pembe- rian elaun itu membabit- kan anggota PBS yang ber- tugas dalam kerja mema- dam api serta menyelamatkan. +